




FUNGSI JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN





Sejarah Penubuhan Jabatan Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kesihatan Persekitaran merupakan sebuah jabatan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) yang secara rasmi digabungkan pada 1 April 2024. Penubuhan jabatan ini adalah hasil daripada penggabungan dua jabatan yang sebelum ini beroperasi secara berasingan, iaitu Jabatan Kesihatan Awam dan Jabatan Pasar, Penjaja dan Tamu. Penggabungan ini dibuat dengan mengambil kira keperluan untuk menyelaraskan dua aspek penting yang saling berkait rapat, iaitu pengurusan kesihatan awam serta pengurusan kebersihan pasar, penjaja, tamu dan tandas awam. Justifikasi utama kepada usul penggabungan ini adalah untuk memastikan aspek kebersihan di tapak pasar, kawasan penjaja dan kemudahan awam seperti tandas dapat dikawal selia dengan lebih bersepadu, berkesan dan berfokus.

Jabatan Kesihatan Persekitaran diketuai oleh Pegawai Kesihatan Persekitaran. Bagi melaksanakan fungsinya dengan lebih teratur dan efisien, jabatan ini disokong oleh empat bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran Jabatan, Bahagian Kesihatan Awam, Bahagian Sanitasi Bandar dan Bahagian Pasar, Penjaja dan Tamu yang masing-masing diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir atau Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran mengikut bidang fungsi masing-masing. Pada masa ini, Jabatan Kesihatan Persekitaran Majlis Perbandaran Sandakan mempunyai seramai 60 orang kakitangan yang melaksanakan pelbagai tugas operasi, penguatkuasaan, pemantauan, pengurusan dan pentadbiran demi memastikan kebersihan dan kesihatan persekitaran bandar Sandakan berada pada tahap yang terbaik.





Carta Organisasi

**KETUA JABATAN
KESIHATAN PERSEKITARAN**
AHMAD NAQUIB BIN SARIFUDIN
PEGAWAI KESIHATAN
PERSEKITARAN (U41)

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

JEFRIDIN BIN AHMAD
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN
PERSEKITARAN (U32)

UNIT KAWALAN VEKTOR

ROSLEE BIN PAWI
PEMBANTU AWAM (H11)

JESSICA BINTI STEPHEN
PEMBANTU AWAM (H11)

MATTHEW BIN KUIN @ PUIN
PEMBANTU AWAM (H11)

**MOHD ANDE HARSAD BIN AG
SHA**
PEMBANTU AWAM (H11)

SHAHRLUL ISMA BIN AHMAD
PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

UNIT KAWALAN HAIWAN TERBIAR

PETER JOITUN
PEMBANTU PENGUATKUJASA (KP22)

MORIS CHIU
PEMBANTU AWAM (H11)

FIRDAUS ANASIUS JOITUN
PEMBANTU AWAM (H11)

ALBART BIN LASAK
PEMBANTU AWAM (H11)

**STEPHEN BIN LAMBUTING @
AMBUTING**
PEMBANTU AWAM (H11)

UNIT PROMOSI & PENDIDIKAN KESIHATAN

SALMI BINTI PETRUS
PEMBANTU AWAM (H11)

BAHAGIAN SANITASI BANDAR

**SANISAH BINTI JUMA @
DJUMA**
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN
PERSEKITARAN (U32)

UNIT SANITASI PREMIS MAKANAN

JAFRIN JOFIRING
PEMBANTU KESIHATAN AWAM
(U19)

UNIT SANITASI TANDAS AWAM & ADUAN KUMBAHAN

**MOHD NOORFAHEEZ
HIKMAL BIN MOHD YASSIN**
PEMBANTU TADBIR (P/O) (N19)

BAHAGIAN PASAR/PENJAJA/TAMU

MOHD. HAMIZAN BIN JUNAIDI
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN
PERSEKITARAN (U29)

UNIT OPERASI PASAR

NORIZZAH BINTI ODIN
PEMBANTU KESIHATAN AWAM
(U19)

UNIT PEMBERSIHAN PASAR

ABDULLAH BIN SUDIN
PEMBANTU TADBIR (P/O) (N22)

BAKRIN BIN GHANI PEMBANTU AWAM (H11)	KALALUDIN BIN LAUDDIN PEMBANTU AWAM (H11)	ARSAD BIN HARIS PEMBANTU AWAM (H11)
RAHMAN SHAH BIN AR MAHMUD PEMBANTU AWAM (H11)	MOHD REDHA ALFIAN BIN ABDUL WAHAB PEMBANTU AWAM (H11)	ASMI BIN AHMAD PEMBANTU AWAM (H11)
JOHAINI BIN BAKRI PEMBANTU AWAM (H11)	MOHD FADZLI BIN KASMUDIN PEMBANTU AWAM (H11)	MOHD SAIFUL KHAIRI BIN LOSOH PEMBANTU AWAM (H11)
SUDIRMAN BIN IDRIS PEMBANTU AWAM (H11)	MOHAMAD HAINOL BIN RAMLI PEMBANTU AWAM (H11)	UPOK BIN ONGING PEMBANTU AWAM (H11)
ROBINSON KORILUS JAMES PEMANDU KENDERAAN (H11)	HALIMAH BINTI BUJANG PEMBANTU AWAM (H11)	ARWAN BIN RASMAN PEMBANTU AWAM (H11)
LOJIES BIN PUIN PEMBANTU AWAM (H11)	ALAN BIN BUTAU PEMBANTU AWAM (H11)	DAVID JOSEPH KADOU PEMBANTU AWAM (H11)
AWANG RAHMAT BIN BUTDAMAT PEMANDU KENDERAAN (H11)	MOHAMMAD FADLY BIN AWANG MOKSIN PEMBANTU AWAM (H11)	MOHAMAD RIZAL BIN BAHRAIN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
MOHD JAPAR BIN ABIDIN PEMBANTU AWAM (H11)	MAHADIR BIN MOHD.YUSSOF PEMBANTU AWAM (H11)	MOHD. GHADAFEE BIN HERMAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
RAIMON BIN SIDIN PEMBANTU AWAM (H11)	JANIUS BIN KIDOM PEKERJA AWAM (RA1)	RUBIAH KULAB PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
AZIS BIN ABDUL HAMID @ THOMAS PEMBANTU AWAM (H11)	MOHD ISMAIL BIN SAPARI PEMBANTU AWAM (H11)	

BAHAGIAN PENTADBIRAN

**ZAMANSHAH BIN AMIR
HAMZAH**
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (N29)

KESIHATAN AWAM & SANITASI BANDAR

CHONG LI CHIN
PEMBANTU TADBIR (P/O) (N22)

LINDA ZUANA BINTI GAPAR
PEMBANTU AWAM (H11)

**JANIUS BIN ASAU @ JANIUS
BIN ASAN**
PEMBANTU AWAM (H11)

PASAR & SISTEM

NAZALIA BINTI SALAM
PEMBANTU TADBIR (P/O) (N19)

ERNA WATI BINTI IDRIS
PEMBANTU TADBIR (P/O) (N19)

HAZIM DARWAN NORSIDI
PEMBANTU TADBIR (P/O) (N19)

**PN MOHD FAISAL BIN PN
ALIASAN**
PEMBANTU AWAM (H11)

SAIDIN BIN ABIDIN
PEMBANTU AWAM (H11)

SARIMAH BINTI BASRIE
PEMBANTU AWAM (H11)

MARIAN A/P PAIDAIYAH
PEMBANTU AWAM (H11)



Objektif Jabatan Kesihatan Persekutaran

1. Mengurus dan mengawal selia aktiviti kawalan haiwan terbiar secara berkesan bagi menjaga keselamatan dan kebersihan persekitaran.
2. Menjalin koordinasi dengan Pejabat Kesihatan Daerah bagi pelaksanaan program kawalan dan pencegahan penyakit bawaan vektor.
3. Mengurus dan memastikan tandas awam sentiasa bersih, menawan dan wangi (BMW) selaras dengan aspirasi tandas awam yang mesra masyarakat.
4. Mengawal selia dan mengurus pengoperasian pasar awam MPS, tapak-tapak penjaja dan tamu dengan teratur dan bersih.
5. Menguruskan kawalan kebersihan dan sanitasi premis makanan melalui penggredan premis makanan dan pemantauan berterusan.
6. Mengurus aduan-aduan berkaitan paip kumbahan dan saliran di rumah bertingkat yang menyebabkan kacau ganggu.
7. Menyelesaikan aduan berkaitan kacau ganggu kesihatan awam secara cepat dan berkesan.
8. Memupuk kesedaran masyarakat tentang kepentingan kebersihan, sanitasi dan kesihatan persekitaran melalui program pendidikan dan advokasi.
9. Memperkukuh dan bekerjasama dengan Jabatan Penguatkuasa bagi penguatkuasaan undang-undang kecil dan peraturan kebersihan bagi memastikan pematuhan yang lebih menyeluruh.
10. Meningkatkan kecekapan pengurusan kerja melalui penggunaan teknologi maklumat mengikut perkembangan semasa termasuk pengumpulan data, analisis data dan penyampaian maklumat.
11. Memastikan penggunaan sumber jabatan dilaksanakan dengan betul, cekap dan berhemah untuk mencapai matlamat perkhidmatan yang optimum.





Piagam Pelanggan

Kami warga Jabatan Kesihatan Persekutaran Majlis Perbandaran Sandakan berikrar memberikan perkhidmatan yang cekap, mesra, profesional dan berintegriti demi kesejahteraan masyarakat Sandakan. Kami berjanji untuk:

- **Memastikan aduan awam berkaitan kebersihan, sanitasi, haiwan terbiar, paip kumbahan dan saliran di rumah bertingkat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.**
- **Memastikan pengurusan tandas awam yang bersih, menawan dan wangi (BMW) melalui pemantauan berkala dan efisien.**
- **Mengurus dan memantau kebersihan pasar awam, tapak penjaja dan tamu supaya sentiasa dalam keadaan bersih, teratur dan selamat.**
- **Melaksanakan penggredan premis makanan dan pemeriksaan kebersihan secara berkala untuk memastikan tahap sanitasi yang selamat dan mematuhi piawaian.**
- **Melaksanakan operasi kawalan haiwan terbiar dan kawalan penyakit bawaan vektor secara berkala melalui kerjasama dengan agensi berkaitan.**
- **Memberikan layanan yang sopan, mesra pelanggan dan profesional dalam semua urusan di kaunter jabatan dan semasa operasi lapangan.**
- **Mengurus sumber jabatan dengan cekap, berhemah dan bertanggungjawab untuk memastikan kualiti perkhidmatan yang optimum.**
- **Menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan data dan penyampaian maklumat dengan lebih cepat, tepat dan berkesan.**
- **Mematuhi semua peraturan, undang-undang kecil dan garis panduan sedia ada demi menjaga kepentingan kesihatan awam dan kebersihan persekitaran bandar Sandakan.**





Bahagian Kesihatan Awam


- Menyelesaikan aduan berkaitan anjing terbiar dan melaksanakan aktiviti kawalan haiwan terbiar secara berjadual dan berkesan.
- Melaksanakan program kawalan dan pencegahan penyakit bawaan vektor khususnya di kawasan pusat bandar Sandakan melalui kerjasama dengan agensi berkaitan.
- Mengawal dan memantau infestasi tikus di pasar-pasar milik Majlis melalui program kawalan berjadual dan tindakan pemantauan berterusan.
- Menguruskan pelesenan anjing termasuk pendaftaran, pengeluaran lesen dan pemantauan pematuhan syarat-syarat lesen.





Bahagian Sanitasi Bandar

- Mengawal selia pengurusan dan penyelenggaraan tandas awam milik Majlis Perbandaran Sandakan agar sentiasa bersih, menawan dan wangi (BMW).
- Mengurus dan menyelaraskan tindakan ke atas aduan berkaitan paip kumbahan dan saluran di rumah bertingkat yang menyebabkan kacau ganggu awam.
- Melaksanakan pengurusan dan pemeriksaan premis makanan bagi memastikan pematuhan kepada Undang-Undang Kecil Food Establishment By-Laws 2022.
- Mengulas dan memberi pandangan teknikal ke atas pelan-pelan bangunan bagi permohonan lesen berkaitan aspek kesihatan dan sanitasi.





Bahagian Pasar, Penjaja dan Tamu

- Mengawal selia operasi pasar awam, tapak penjaja dan tamu supaya sentiasa dalam keadaan teratur, bersih dan selamat.
- Melaksanakan kerja-kerja penyucian pasar sekurang-kurangnya sekali sebulan mengikut jadual yang ditetapkan.
- Menjalankan pemeriksaan harian untuk memastikan pematuhan kepada Undang-Undang Kecil (UUK) dan peraturan berkaitan pasar, penjaja dan tamu.
- Membuat penilaian ke atas kerja-kerja yang dilaksanakan oleh operator dan kontraktor yang dilantik bagi perkhidmatan di kawasan pasar.
- Mengurus dan melaksanakan kutipan tiket harian bagi penjaja.

